

DATE: 26/04/2008

# Isu keris Panca Warisan selesai

Oleh ROHANI IBRAHIM

**KUALA LUMPUR** 25 April – Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein hari ini secara terbuka memohon maaf kepada rakyat negara ini sama ada Melayu atau bukan Melayu jika isu keris Panca Warisan telah menyinggung perasaan mereka.

Hishammuddin berkata, beliau bertanggungjawab jika tindakan meng-hunus keris Panca Warisan sewaktu Persidangan Perwakilan Tahunan pergerakan itu pada 2005 merupakan faktor yang menjejaskan prestasi Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum, 8 Mac lalu.

“Saya sendiri akan bertanggungjawab atas apa yang dilakukan. Kalau ia jejakkan prestasi (BN), saya tidak boleh lari daripada realiti.

“Saya minta maaf dan bertanggungjawab kerana saya sayangkan parti dan bangsa saya,” katanya.

Hishammuddin yang juga Pengerusi Pemuda BN berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda BN yang pertama selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 di Menara Datuk Onn di sini hari ini.

Jelasnya, tindakan menghunus keris itu bukan bertujuan untuk mena-

kut-nakutkan sesiapa seperti yang digembar-gemburkan.

Sebaliknya kata beliau, ia sekadar simbol kerana nilai Keris Panca Warisan adalah simbol warisan orang Melayu.

“Kepada orang Melayu, saya minta maaf kerana tidak dapat pertahankan simbol warisan kita yang sebenarnya,” katanya.

Menurut beliau, ia merupakan satu pengajaran sedih apabila terpaksa mengetepikan warisan budaya bangsa kerana politik.

“Saya bukannya orang yang angkuh atau ‘arrogant’ yang tak boleh terima hakikat itu. Itu merupakan satu pengajaran yang sedih.

“Tapi kalau politik sebegitu rupa, kita sebagai pemimpin mesti besar hati dan jiwa meletakkan kedudukan BN (parti) lebih penting daripada sesuatu,” katanya.

Ditanya apakah itu bermakna keris Panca Warisan tidak lagi bermakna, Hishammuddin berkata ia amat bermakna kepadanya sebagai orang Melayu tetapi tidak ramai yang mempertahankannya.

“Keris itu takkan ke mana. Apa yang dipegang Datuk Onn Jaafar (Pengasas UMNO) 46 tahun dulu itu baru disedari hari ini,” tegasnya.

Bagaimanapun katanya, beliau per-

lu membuat pernyataan maaf itu hari ini supaya tidak menimbulkan persepsi lain pada masa akan datang.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai ketika ditemui pemberita berkata, Hishammuddin membuat keputusan yang berani dengan menilai semula tindakan berkenaan dan memohon maaf jika menyinggung mana-mana pihak.

“Tidak perlulah kita ungkit-ungkit lagi bahawa Hishammuddin melepaskan tanggungjawab. Ini tidak adil kepada beliau. Sekarang adalah masa untuk bergerak ke hadapan,” katanya.

Keris Panca Warisan yang juga keris pusaka Pergerakan Pemuda UMNO pertama kali diarak masuk oleh 12 hulubalang pada Persidangan Perwakilan Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO 2005 bagi membangkitkan semangat ahli Pemuda UMNO.

Isu berkenaan kemudiannya dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sebelum ini, Lim Kit Siang di Parlimen dan turut digunakan pembangkang dalam kempen pilihan raya umum Mac lalu.

Mesyuarat Pemuda BN pada hari ini turut mengiktiraf peranan Sabah dan Sarawak sebagai tulang belakang BN dan persetujuan untuk mengadakan Mesyuarat Pengurusan Pemuda BN pada setiap dua minggu.



HISHAMMUDDIN Tun Hussein dan Liew Tiong Lai menggenggam tangan menandakan persahabatan yang erat selepas Mesyuarat Pemuda Barisan Nasional di PWTC, semalam.